

Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Perbezaan dengan Kelompok Literalis

Sabtu (20 Januari 2024)

Experimental Hall, Rectory Building,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



LEADING THE WAY
KHADAR - AMANAH - IQRA' - KAHFATUN UL-ALAMEN



SOAL JAWAB AKIDAH AHLI HADITH & ISU-ISU SEMASA

📍 Experimental Hall, Rectory Building,
IIUM Campus Gombak

📅 Saturday, 20 JAN 2024
7.30 PM



Inquiries:

013-938 9636 (Br. Ariff)
016-675 5357 (Br. Rahimi)



Dr. Abdullah Jalil (USIM)
Felo Nadwah ASWJ Darul Ridzuan (Perak)
AJK Penyelidik Isu-isu Konemporari
Islam Negeri Sembilan (JPIKNIS)

Dr. Khafidz Soroni (KUIS)
AJK Fatwa Negeri Selangor
AJK Fatwa Wilayah Persekutuan

Pembentang

Dr. Abdullaah Jalil

Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Felo Nadwah Ahli Sunnah Wal Jama'ah Darul Ridzuan (Perak)

*Ahli Panel Jawatankuasa Penyelidikan Isu-Isu Kontemporari Islam Negeri Sembilan (JPIKINS)

Email: abdullaah@usim.edu.my / abdullaahjalil@gmail.com

FB: Abdullaah Jalil

FB Page: Penuntut Ilmu & Masjid Hati Ummah

Laman Sesawang: www.penuntutilmu.com

Kerangka Pembentangan

Definisi Umum ASWJ

Definisi Khusus ASWJ

Definisi Paling Khusus
ASWJ

Kerangka ASWJ di
Malaysia & Nusantara

Perbezaan Akidah di
antara ASWJ dan
Literalis: Sifat-sifat
Allah

Ahli Sunnah Wal
Jama'ah Berijma'
Mentanzihkan Allah
dari Makna Zahir Nas
Mutasyabihat

7 Kaedah (Adab-adab)
Salafus Soleh Dengan
Nas-Nas Mutasyabihat

Literalis pada Nas
Mutasyabhat (Akidah)
ialah Salah Satu Sifat
Golongan Khawarij

Ahli Sunnah Wal
Jama'ah: Jalan
Keselamatan Sepanjang
Zaman

Definisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah

Definisi Umum

(التعريف العام)

Definisi Khusus

(التعريف الخاص)


**Definisi Paling
Khusus**

(التعريف الأخص)

Definisi Umum Ahli Sunnah Wal Jama'ah

Lafaz “Ahli”


PEMILIK “SUNNAH
DAN JAMA’AH”



Bil.	Makna	Contoh	
1.	Pemilik	<i>Ahl al-Ilm</i>	Orang yang memiliki ilmu
2.	Orang yang layak	<i>Ahl al-Ijtihad, al-'Aqd</i>	Orang yang layak berijtihad, berkontrak
3.	Penduduk	<i>Ahl Makkah; Ahl al-Wabar; Ahl al-Madar</i>	Orang yang tinggal di Mekah; penduduk bandar; penduduk kampung
4.	Isteri, keluarga dan kaum kerabat	<i>Ahl al-Rajul</i>	Isteri, keluarga dan kaum kerabat lelaki itu.

ORANG ISLAM YANG MEMILIKI “SUNNAH DAN JAMA’AH”

Lafaz “Sunnah”



Bil.	Definisi	Disiplin Ilmu
1.	Perkataan, perbuatan dan perakuan Rasulullah ﷺ	Ulama' Usul al-Fiqh
2.	Perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat Rasulullah ﷺ	Ulama' Hadith
3.	Amalan yang apabila dilakukan, diberi pahala dan apabila tidak dilakukan, tidak berdosa.	Ulama' Fiqh – Taklifi
4.	Amalan yang apabila dilakukan, diberi pahala dan apabila tidak dilakukan, tidak berdosa. Namun begitu, Rasulullah ﷺ lebih banyak melakukannya daripada meninggalkannya.	Sebahagian Ulama' Usul al-Fiqh
5.	Syariat yang sahih/ benar - Berlawanan dengan makna bid'ah secara umum.	Istilah Syariat Umum
6.	Akidah yang sahih/ benar - Berlawanan dengan bid'ah akidah secara khusus.	Istilah Akidah Khusus

Sebahagian ulama' muta'akhirin mula mengkhususkan istilah al-sunnah dan al-bid'ah di dalam perkara-perkara aqidah kerana ia adalah merupakan asas agama dan kesalahan padanya adalah kesalahan yang besar. Ini adalah kerana makna perpecahan umat itu lebih jelas dan kuat pada perpecahan aqidah. Imam Ibn Rajab al-Hanbali menyebut:

وَكَثِيرٌ مِنَ الْعُلَمَاءِ الْمُتَّخِرِينَ يَحْصُّ اسْمَ السُّنْنَةِ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِالْإِعْتِقَادَاتِ، لِأَنَّهَا أَصْلُ
الدِّينِ، وَالْمُخَالِفُ فِيهَا عَلَى خَطَرٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: “Dan ramai dari kalangan para ulama' terkemudian mengkhusukan nama al-Sunnah dengan apa yang berkaitan dengan kepercayaan-kepercayaan aqidah, kerana sesungguhnya ia adalah asas agama dan seseorang yang bertentangan (dengan al-Sunnah) padanya berada di atas bahaya yang amat besar.”

R: Ibn Rajab al-Hanbali- Jami' al-'Ulum wa al-Hikam.

Dalam hal ini, al-Sunnah memberi maksud: Aqidah yang sahih berdasarkan sumber-sumberNya.

Bagi makna yang ketujuh ini, al-Imam al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali menyebut:

ما سلم من الشبهات في الاعتقادات، خاصة في مسائل الإيمان بالله وملائكته وكتبه
ورسله واليوم الآخر، وكذلك في مسائل القدر، وفضائل الصحابة

Maksudnya: “Apa yang sejahtera daripada unsur-unsur shubhat dalam perkara berkaitan aqidah, khususnya yang berkaitan dengan masalah-masalah keimanan dengan Allah, para mala’ikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, dan hari akhirat, dan begitu berkaitan dengan masalah-masalah taqdir dan kemuliaan para sahabat.”

R: (كشف الكربة في وصف أهل الغربة)

**“PEMILIK (ORANG ISLAM YANG
MEMILIKI) AKIDAH YANG SAHIH
BERTEPATAN DENGAN AKIDAH
RASULULLAH ﷺ DAN JAMA’AH.**

Lafaz “al-Jama’ah”

- Al-Imam al-Tabari menukilkan empat pandangan berkenaan makna al-Jama'ah dan ini telah dinukilkan oleh al-Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani juga.
- Dan keempat-empat makna tersebut ialah:
 - I. Para sahabat Rasulullah ﷺ
 2. Para imam dan ulama' mujtahid yang mengikut jalan golongan yang berjaya.
 3. Golongan yang paling ramai dari kalangan umat Islam.
 4. Mereka yang bersepakat/berhimpun untuk (memberi ketaatan kepada) pemerintah yang sah di sisi Shariat.

Rumusan Definisi Umum

- Maka berdasarkan penerangan makna lafaz Ahli, Sunnah dan Jama'ah sebelum ini, kita dapat membuat rumusan bahawa definisi umum bagi Ahli Sunnah dan Jama'ah adalah:

“ORANG ISLAM YANG MEMILIKI AKIDAH YANG BERTEPATAN DENGAN AKIDAH RASULULLAH ﷺ, AKIDAH PARA SAHABAT RASULULLAH ﷺ, AKIDAH PARA IMAM DAN MUJTAHID YANG MUKTABAR (DISEPAKATI KEBENARANNYA) SERTA AKIDAH MAJORITI UMAT ISLAM.”

Definisi Khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah

Definisi khusus ASWJ ialah definisi ASWJ yang dilihat dari perspektif tertentu:



1. Masa/ Zaman/ Generasi
2. Manhaj
3. Madrasah/mazhab
4. Mazhab Fiqh
5. Peranan dan Tugas

[I] Dari Sudut Masa

Dari sudut masa, golongan Ahli Sunnah Wal Jama'ah boleh dibahagikan kepada:


- **Generasi Salaf (Ṣāliḥ):**
 - mereka yang hidup pada tiga kurun Hijrah yang pertama (1 Hijrah sehingga 300 Hijrah) atau mereka yang terdiri daripada generasi Sahabat, tābi‘īn dan tābi‘ī al-tābi‘īn.
- **Generasi Khalaf (Tayyib):**
 - mereka yang hidup selepas generasi Salaf sehingga kini.

Para Ulama' Salaf Soleh dan Khalaf Tayyib adalah Jalan dan Jambatan Kita kepada Rasulullah ﷺ




Ahli Sunnah Wal Jama'ah Mempunyai Hubungan Yang Bersanad / Bersambung kepada Rasulullah SAW


**Jalan Ahli Sunnah dan Jamaah adalah
Jalan Yang Bersanad dan Bersambung**



Jalan Terputus



Jalan Terputus



[2] Dari Sudut Manhaj

Dari sudut manhaj akidah, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- **Naqli:**
 - golongan yang hanya merujuk kepada dalil-dalil naqli.
- **Aqli dan Naqli:**
 - golongan yang menggabungkan dalil-dalil aqli dan naqli. Ini adalah pendekatan majoriti para ulama' ASWJ.
- **Aqli, Naqli dan Kashfi:**
 - golongan yang bermula dengan aqli dan naqli, kemudian berakhir dengan jalan kashfi. Mereka adalah golongan Ṣūfiyyah.

[3] Dari Sudut Madrasah Akidah

Dari sudut madrasah akidah, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- **Al-Ashā'irah:** golongan yang mengikut manhaj Imam Abū al-Hasan al-Ash'arī (Aqli dan Naqli).
- **Al-Māturīdiyyah:** golongan yang mengikut manhaj Imam Abū al-al-Manṣūr al-Māturīdī (Aqli dan Naqli).
- **Al-Athariyyah:** golongan yang mengikut manhaj Imam Aḥmad bin Ḥanbal (Naqli sahaja).
- **Al-Ṣūfiyyah:** sebahagian ulama' menjadikan para ulama' Ṣufiyyah sebagai salah satu cabang madrasah ilmu (bukan amali semata-mata) bagi akidah ASWJ kerana mereka mempunyai manhaj kashfī atau tauhid shuhūd atau dhawqī.

[4] Dari Sudut Mazhab Fiqh Masa Kini

Dari sudut madrasah mazhab fiqh, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- **Ḩanafiyyah:** umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Abū Ḥanīfah.
- **Mālikiyah:** umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Mālik bin Anas al-Madani.
- **Shāfi‘iyah:** umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī.
- **Ḩanabilah:** umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Aḥmad bin Ḥanbal.

Ahli Sunnah dan Jamaah Adalah Merupakan Majoriti Umat Islam

Jadual 1: Empat Mazhab Fiqh ASWJ adalah Majoriti Umat Islam

Aliran	Mazhab	Peratusan
Sunni (90%)	Hanafiyyah	45%
	Shafi'iyyah	28%
	Malikiyyah	15%
	Hanabilah	2%
Shi'ah (9.5%)	Zaydiyyah	1%
	Imamiyyah / Ja'fariyyah	8%
	Isma'iliyyah	0.5%
Ibadi (0.5%)		0.5 %
	Jumlah Keseluruhan	100%

The Muslim500
The World's Most Influential Muslims

Jadual 1: Hubungan di antara Fuqaha' Empat Mazhab Fiqh ASWJ Dengan Mazhab Aqidah ASWJ


Mazhab Fiqh ASWJ	Manhaj Aqidah ASWJ
Hanafiyyah	2/3 Maturidiyyah 1/3 Asha'irah
Malikiyyah	Asha'irah
Shafi'iyyah	Asha'irah
Hanabilah	Fudala' al-Hanabilah (ASWJ) <ul style="list-style-type: none"> • Hanabilah Athariyyah • Hanabilah Asha'irah Ghulat al-Hanabilah (Bukan ASWJ) <ul style="list-style-type: none"> • Hanabilah Mujassimah/ Hashwiyyah

[5] Dari Sudut Peranan

Dari sudut peranan dan tugas, golongan Ahli Sunnah dan Jamaah boleh dibahagikan kepada:

- Ulama' Tauhid (Akidah)
- Ulama' Fiqh
- Ulama' Hadith
- Ulama' Bahasa dan Sastera Arab
- Ulama' Al-Quran
- Ulama' Tasawuf
- Para pejuang (mujāhid)
- Masykat umum dan pemerintah [yang zahir di kalangan mereka syiar Ahli Sunnah Wal Jama'ah]

Rumusan



Definisi Paling Khusus Ahli Sunnah Wal Jamaah

Al-Asha'irah


Al-Maturidiyyah

Al-Imām Shaykh al-Islām Shihāb al-Dīn Ibnu Ḥajar al-Haytamī al-Makkī (w.974H) menyebut di dalam al-Zawājir ‘an Iqtirāf al-Kabā’ir (muka surat: 82) berkata:

الْمُرَادُ بِالسُّنَّةِ: مَا عَلَيْهِ إِمَامًا أَهْلِ السُّنَّةِ وَاجْمَاعَةِ الشَّيْخِ أَبُو الْحَسَنِ
الْأَشْعَرِيٌّ وَأَبُو مَنْصُورِ الْمَاتِرِيدِيٍّ

“Maksud yang dikehendaki dengan (ahli) Sunnah (dan Jama’ah) adalah akidah yang dipegang oleh dua orang Imam Ahli Sunnah dan Jama’ah iaitu:

- [i] [al-Imam] al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash’ari dan
- [ii] [al-Imam al-Shaykh] Abu Mansur al-Maturidi.”




Al-Imām al-Mujaddid [kurun kedua belas] Shaykh al-Islām Imām al-Musnidīn Khātimat al-Muhaddithīn al-Ḥāfiẓ al-Faqīh al-Lughawī al-Sayyid Murtadā al-Zabīdī al-Ḥusaynī (w.1205H) menyebut di dalam kitabnya “Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn fi Sharḥ Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn,” Jilid 2/14, muka surat: 8:

إِذَا أُطْلَقَ أَهْلُ السُّنْنَةِ وَاجْمَاعَةٍ فَالْمُرْأَدُ بِهِمْ الْأَشَاعِرَةُ وَالْمَاتُرِيدِيَّةُ

“Apabila disebut Ahli Sunnah Wal Jamā’ah secara mutlak, maka golongan yang dimaksudkan dengan mereka adalah al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah.”

Kerangka ASWJ di Malaysia & Nusantara

Manhaj ASWJ di Tanah Melayu (Malaysia)



Ciri-ciri Umum Ahli Sunnah Wal Jamaah

- Mereka adalah majoriti ulama' umat Islam sejak dahulu sehingga kini.
- Mereka adalah majoriti umat Islam sejak dahulu sehingga kini.
- Mereka saling hormat menghormati.
- Mereka tidak saling kafir mengkafir sesama mereka dan tidak saling sesat menyesatkan sesama mereka.
- Mereka tidak mengkafirkan atau menyesatkan para ulama' dan orang-orang soleh yang terdahulu.
- Mereka tidak mudah mengkafirkan ahli qiblah.

- Mereka menafikan sebarang sifat-sifat kekurangan (makhluk) daripada Allah ﷺ.
- Mereka menetapkan sifat-sifat kesempurnaan (*kamal, jalal & jamal*) bagi Allah ﷺ.
- Mereka berpegang dengan akidah Tanzih dan Taqdis; menolak akidah Tashbih dan Tajsim.
- Mereka adalah kesenimbungan Islam yang tidak terputus sejak Rasulullah ﷺ sehingga kini.

- Mereka menyintai dan menghormati ahli keluarga Rasulullah ﷺ dan para sahabat Rasulullah.
- Mereka adalah golongan yang wasatiyyah (di antara ekstrim dan liberal).
- Mereka berlapang dada pada perkara-perkara khilāfiyyah dan bertegas pada asas aqidah.
- Mereka banyak berselawat kepada Rasulullah ﷺ
- Mereka tidak mengharuskan pemberontakan bersenjata ke atas pemimpin Muslimin dan umat Islam.


Bahaya Golongan Literalis

**Perbezaan Akidah di antara
ASWJ dan Literalis:**


Sifat-sifat Allah

Ahli Sunnah Wal Jama'ah

Mengenal Sifat
Ketuhanan dengan
Nas-nas
MUHKAMAT



Makna yang paling
jelas dari kalangan
nas-nas Shariat



Pentafsiran yang jelas
dan **tidak boleh**
diselewengkan

Literalis

Mengenal Sifat
Ketuhanan dengan Nas-
nas **MUTASHABIHAT**



Makna yang paling
kabur dari kalangan nas-
nas Shariat



Pentafsiran yang pelbagai
dan memilih **makna**
yang sesuai dengan
penyakit zaygh di hati

Kesannya: Perbezaan Sifat-sifat Allah berasaskan Metodologi ASWJ vs Literalis (Mujassimah dan Mushabbiyah)

ASWJ

- Secara ijmali:
 - Allah SWT bersifat dengan segala sifat-sifat **Kamal** (kesempurnaan), **Jamal** (Keindahan) & **Jalal** (Keagungan).
 - Hanya Allah yang tahu **kesemua** sifat-sifat ini kerana hakikatnya tiada yang mengetahui Allah melainkan Allah.

Literalis

- Secara umumnya:
 - Tuhan akan kelihatan seperti manusia yang sangat besar tetapi bukan manusia, dan mempunyai sifat-sifat makhluk/ jisim.
 - Mujassimah/ Mushabbiyah/ Hashwiyyah tidak menafikan bahawa Tuhan dan makhluk boleh mempunyai sebahagian persamaan (*tashbih naqis*), tetapi bukan persamaan penuh dengan makhluk (*tashbih tamm*).

Kesannya: Perbezaan Sifat-sifat Allah berasaskan metodologi ASWJ vs Literalis (Mujassimah dan Mushabbiyah)

ASWJ

- Secara tafsili:
 1. Wujud,
 2. Sedia ada [wujudnya],
 3. Kekal [wujudnya],
 4. Bersalah/ berbeza dengan sesuatu yang baharu (makhluk),
 5. Wujud dengan sendiri (Tidak berhajat kepada yang lain),
 6. Esa,
 7. Kuasa – Maha Berkuasa,
 8. Kehendak – Maha Berkehendak,
 9. Ilmu – Maha Mengetahui,
 10. Hidup – Maha Hidup,
 11. Dengar – Maha Mendengar,
 12. Lihat – Maha Melihat,
 13. Kalam – Maha Berkata-kata.

Kadar minimum iman bagi sifat Allah secara tafsili sangat jelas dan diketahui.

Literalis: Tahsbih dan Tajsim

- Secara tafsili:
 - Bersemayam/ Duduk/ Bersila lendik/ Berada/ Bertempat/ Menetap di atas Arash atau di langit
 - Turun-naik dari Arash ke langit dunia
 - Muka
 - Dua tangan
 - Jari-jari
 - Kaki
 - Betis
 - Limbung/ rusuk
 - Ketawa
 - Berpindah
 - Bergerak
 - Rupa (*surah*)
 - Mempunyai arah (*Jihah al-'Uluww*)
 - Bayang-bayang (*zill*), dan lain-lain.
- Kitab-kitab mereka berbeza di dalam membentangkan sifat-sifat ini. Tidak ada kadar minimum bagi sifat Allah yang disepakati yang wajib diketahui oleh seorang mukallaf.

Akhirnya, Tuhan itu sifatnya kelihan seperti kemanusiaan (manusia yang sangat besar) tetapi bukan manusia – sangat membingungkan dan sesat.

Rumusan Sifat Ketuhanan di Sisi Golongan Literalis (Mujassimah dan Mushabbiyah)

Bertempat

Beranggota

Bersaiz

Berarah atau
Mempunyai
Arah

Bergerak dan
Berpindah

Bersuara dan
Berhuruf

Bertempat	Namun mereka dilihat keliru dalam menetapkan tempat (makān) bagi Allah, sama ada di arash, langit atau makan ‘adami, atau berpindah-pindah di antara arash dan langit.
Beranggota	Mereka mendakwa bahawa Allah itu mempunyai anggota seperti muka, tangan, kaki, jari jemari, betis dan rusuk.

Bersaiz	Mereka menyangka Allah itu mempunyai had atau batasan; dan Allah itu paling besar pada had atau batasan atau saiz.
Berpihak atau mempunyai arah	Mereka berpandangan bahawa Allah mempunyai arah (jihah): semua arah; atau aras atas ('uluww) sahaja dan arah atas ini boleh ditunjuk dengan jari.

Bergerak dan berpindah-pindah	Mereka berpandangan Allah itu boleh turun dan naik; datang dan pergi; berpindah-pindah tempat dan seumpamanya. Ini juga berkaitan dengan akidah Tuhan bertempat yang dipegang oleh mereka.
Bersuara dan berhuruf	Mereka berpandangan bahawa kalam Allah [yang azali atau nafsi] itu mempunyai suara (şawt) dan berhuruf.

Keenam-enam iktikad yang menyeleweng berkenaan sifat-sifat Allah sebelum ini adalah berpunca daripada:

- penyakit *zaygh* (cenderung kepada kesesatan) di dalam hati mereka sepetimana yang disebut oleh Al-Quran,
- kejahilan dan kelemahan mereka berkenaan bahasa Arab yang fasih [khususnya berkenaan dilalat al-alfaz dan ilmu balaghah]
- kegagalan mereka meletakkan nas muhkamāt sebagai prinsip asas memahami mutashābihat; serta
- salah faham mereka berkenaan adab-adab para Salafus Soleh terhadap nas-nas mutashābihat.

Oleh kerana itu, sebahagian ulama' dahulu menyebut:

المعطلة يعبدون عدما

Kaum mu'attilah itu [seumpama] menyembah sesuatu yang tidak wujud.

والجسمة يعبدون صنها

Kaum mujassimah itu [seumpama] menyembah sebuah berhala.

*Bid'ah Tajsim dan Tashbih ialah bid'ah yang paling dekat dengan pemberhalaan.

*Bid'ah Ta'til ialah bid'ah yang paling dekat dengan atheism.

Pembahagian Nas Syariat Berdasarkan Kejelasan dan Kekaburan Makna

Muhkamat

Mempunyai Makna
Yang Paling Jelas

Mufassar

Nas

Zahir

Khafiyy

Mushkil

Mujmal

Mutashabihat

Mempunyai Makna
Yang Paling Kabur

Mengapa Ahli Bid'ah Memilih Ayat Mutashabihat sebagai Asas Aqidah Mereka?

Al-Imam Al-Hafiz Ibnu Kathir menyebut di dalam Tafsirnya:

إِنَّمَا يَأْخُذُونَ مِنْهُ بِالْمُتَشَابِهِ الَّذِي يُكَنِّهُمْ أَنْ يُحَرِّفُوهُ إِلَى مَقَاصِدِهِمُ الْفَاسِدَةِ، وَيُنْزِلُوهُ عَلَيْهَا، لِاحْتِمَالِ لَفْظِهِ لِمَا يَصْرِفُونَهُ فَأَمَّا
الْمُحْكَمُ فَلَا نَصِيبَ لَهُمْ فِيهِ؛ لِأَنَّهُ دَامِغٌ لَهُمْ وَحُجَّةٌ عَلَيْهِمْ

“Hanyasanya (golongan yang sesat dan terpesong dari kebenaran) mengambil **nas-nas mutashabihat** (kerana ia) membolehkan mereka mengubah (maknanya) menurut tujuan/niat mereka yang rosak, lalu mereka mentafsirkannya menurut niat/tujuan mereka kerana lafaz (mutashabihat) boleh menanggung makna yang dialihkan oleh mereka.

Adapun, **nas-nas muhkam**, maka tidak ada bahagian bagi mereka untuk (melakukan pengubahan) pada (maknanya), kerana ia (nas Muhkam) mematahkan dakwaan mereka dan hujah ke atas mereka.”

Mengapa Tidak Boleh Berpegang dengan “Makna Zahir” Nas-nas Mutashabihat?

(1) Bertentangan dengan makna Nas-nas Muhkamat

Makna nas *Muhkamat* adalah bertentangan dengan makna zahir nas *mutashabihat*, maka makna nas *mutashabihat* dikembalikan kepada makna nas *Muhkamat* kerana nas *Muhkamat* adalah *Umm al-Kitab*

(2) Membawa kepada Tashbih dan Tajsim

Makna zahir bagi *yad, saq, wajh, rjil, janb* dan *lain-lain* adalah anggota – Maha Suci Allah daripada Mempunyai Anggota


Makna zahir bagi *nuzul* dan seumpamanya adalah sifat *jisim* – Maha Suci Allah SWT daripada bersifat dengan sifat *jisim*.

(3) Makna yang paling kabur

Nas *mutashabihat* mempunyai makna yang paling kabur tidak dapat ditentukan maknanya secara yakin. Usul aqidah memerlukan nas yang *qat'i* dari sudut *dalalah* dan *thubut*.

Kekaburan makna pada nas *mutashabihat* ada beberapa hikmah: (i) mukjizat (ii) ujian bagi orang beriman untuk mencapai kesempurnaan iman (iii) menzahirkan golongan yang berpenyakit *zaygh*

Perbezaan Manhaj ASWJ dan Ahli Bid'ah Berkenaan Nas-nas Mutashabihat



- Golongan literalis tidak dapat membezakan di antara ta'til (تعطیل) dan ta'wil (تأویل).
- Ta'til menafikan makna bagi nas; sedangkan ta'wil adalah bagi menafikan makna yang **tidak layak** bagi nas.
- Mereka juga tidak dapat membezakan di antara ta'wil ijmalī (تأویل إجمالي) yang merupakan ijma' ulama' dan ta'wil tafsili (تأویل تفصیلی) yang merupakan perkara khilafiyyah.
- Golongan literalis juga tidak memahami kaedah tafwid yang sebenar.
- Kaedah tafwid "makna" di sisi Ahli Sunnah dan Jama'ah adalah berbeza dengan kaedah tafwid "Kayfiyyat" golongan Mushabbihah, Mujassimah dan Hashwiyyah.
- Golongan ini sebenarnya menetapkan makna zahir nas yang bertentangan dengan ijma' bagi takwil ijmalī.

**Ahli Sunnah Wal Jama'ah
Berijma' Mentanzihkan Allah
dari Makna Zahir Nas
Mutashabihat**

Matan Jawharat Al-Tawhid

وَكُلُّ نَصٍّ أَوْهَمَ التَّشْبِيهَ، أَوْ لَهُ أَوْ فَوْضٌ وَرُمْ تَنْزِيحاً

“Dan setiap nas [al-Quran dan al-Sunnah yang pada zahir maknanya] boleh menyebabkan sangkaan Tashbih (penyerupaan Allah SWT dengan makhluk), maka hendaklah engkau takwilkan (tafsirkan ia dengan makna yang layak dengan kemuliaan dan kesempurnaan Allah) ia [secara tafsili] atau tafwidkan (serahkan) maknanya kepada Allah, dan carilah aqidah tanzih [padanya dengan menyucikan Allah daripada segala kekurangan dan sifat-sifat makhluk].”

Imam Mulla ‘Ali al-Qari (2002) di dalam “Mirqat al-Mafatih Sharh Mishkat al-Masabih”.

وَالْحَاصِلُ أَنَّ السَّلَفَ، وَالخَلَفَ مُؤْوِلُونَ لِجَمِيعِهِمْ عَلَى صَرْفِ الْلَّفْظِ عَنْ ظَاهِرِهِ، وَلَكِنَّ تَأْوِيلَ السَّلَفِ
إِجْمَالِيٌّ لِتَفْوِيضِهِمْ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى، وَتَأْوِيلُ الْخَلَفِ تَفْصِيلٌ لِأَضْطَرَارِهِمْ إِلَيْهِ لِكِثْرَةِ الْمُبْتَدِعِينَ.

“Dan hasil [kesimpulannya] adalah: sesungguhnya [ulama’ ASWJ] Salaf dan Khalaf itu melakukan takwil [ijmali: tidak berpegang dengan makna zahir nas mutashabihat) kerana mereka berijma’ agar dialihkan [makna] lafaz [mutashabihat] dari [makna] zahirnya. Namun begitu, Takwil para Salaf adalah ijmali (secara umum tanpa menentukan makna) kerana mereka menyerahkannya (pengetahuan makna nas mutashabihat) kepada Allah ﷺ dan Takwil para Khalaf adalah tafsili (secara terperinci dengan menentukan makna tetapi secara tidak jazam) kerana keterpaksaan mereka melakukannya lantaran banyaknya ahli-ahli bid’ah (pada zaman mereka)...”

Pusat Fatwa Umum Jordan menyebut (2022) di dalam fatwa mereka berkenaan “Manhaj ASWJ pada Nas-nas Mutashabihat”:

وقد أجمع علماء أهل السنة واجماعة أنّ السبيل في فهم هذه الآيات المتشابهة هو تنزيه الله تعالى، وذلك بصرف الآيات عن ظواهرها اللغوية التي ثبتت الله تعالى ما لا يليق به

“Dan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah telah berijmak bahawa sesungguhnya jalan untuk memahami ayat-ayat mutasyabihat ini adalah dengan menyucikan (tanzih) Allah ﷺ [daripada menyerupai makhluk] dan ini adalah dengan mengalihkan makna zahir ayat-ayat ini daripada makna literal atau zahirnya yang menetapkan sifat yang tidak layak bagi Allah ﷺ...”


7 Kaedah (Adab-adab) Salafus Soleh Dengan Nas-Nas Mutasyabihat

al-Imam Hujjat al-Islam al-Mujaddid [Kurun ke-5]

Abu Hamid Muhammad al-Ghazali
al-Shafi'i al-Ash'ari (w.505H)

Kitab: *Iljam al-'Awam 'an Ilm al-Kalam*

Berikut adalah tujuh (7) prinsip yang telah ditakhrijkan oleh beliau berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta amalan dan perkataan para Salafus Soleh berkenaan hal ini.



Adab Pertama: al-Taqdis (Mentaqdiskan)

- Mensucikan Allah daripada jiismiyyah (sifat-sifat jisim) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- Taqdis; Tanzih; Tasbih.

Adab Kedua: al-Tasdiq (Membenarkan)

- Beriman dengan sabdaan Baginda Nabi ﷺ dan mengiktiqadkan apa yang Baginda ﷺ sabdakan adalah benar; dan Baginda ﷺ dalam sabdaan Baginda ﷺ adalah benar; dan apa yang Baginda ﷺ katakan adalah benar dalam bentuk yang Baginda ﷺ katakan dan maksudkan.

Adab Ketiga: Al-I'tiraf bi al-'Ajz (Mengiktiraf Kelemahan Diri)

- Hendaklah seseorang itu mengakui dan mengiktiraf bahawa pengetahuan maksud hakikat sebenar nas-nas mutashabihat tersebut adalah di luar kemampuannya; dan pengetahuan maksud hakikat sebenar itu bukanlah tanggungjawab dan pekerjaannya. Dengan kata lain, dia tidak diperintah oleh Syariat untuk mengetahui maksud sebenarnya.

Adab Keempat: Al-Sukut (Berdiam Diri)

- Tidak bertanyakan makna sebenarnya dan tidak mendalami maknanya; dan hendaklah dia tahu bahawa pertanyaannya mengenai maknanya adalah bid'ah; dan pendalaman maknanya boleh membahayakan agamanya; dan dia boleh terjebak dalam kekufuran oleh sebab itu.

Adab Kelima: Al-Imsak (Menahan)

- Tidak menukar bentuk nas-nas mutashabihat tersebut dengan ditambah dan dikurangkan sebahagiannya; atau dikumpulkan atau diasingkan; dan tidak menuarkannya (menterjemahkannya) ke bahasa yang lain ; bahkan nas-nas (Al-Quran dan Al-Sunnah) tersebut tidak dibaca melainkan dengan bentuk, lafaz dan ibarat (susunan) yang asal [di dalam bahasa Arab].


Adab Keenam: Al-Kaff (Menegah)

- Menegahkan dirinya dari menyelidik dan memikir tentang makna nas mutasyabihat tersebut.


Adab Ketujuh: al-Taslim li ahlih (Menyerahkan kepada Yang Berkeahlian)

- Walaupun seseorang itu tidak mampu memahami nas-nas mutasyabihat tersebut kerana kelemahan dirinya, namun begitu hendaklah dia tidak mengiktikadkan kelemahan yang sama bagi Rasulullah ﷺ, para Nabi ﷺ, Siddiqin dan Awliya'.

Rumusan Tujuh Adab



Empat Kaedah dan Tujuh Adab Ahli Sunnah Wal Jama'ah bagi Nas-nas Mutasyabihat



**Literalis pada Nas
Mutasyabihat (Akidah)
ialah Salah Satu Sifat
Golongan Khawarij**

Sifat-sifat Utama Golongan Khawarij

Menurut Al-Shaykh Dr. ‘Abd al-Fattah Qudaysh al-Yafi’i (2022), tiga sifat golongan Khawarij yang paling utama berdasarkan hadith Rasulullah ﷺ, athar para Sahabat dan Salafus Soleh, ialah:

Tashbih
(Menyerupakan-Nya
dengan makhluk)

Tahqir (Merendahkan/
Menghina)

Takfir (Mengkafirkan)

Terhadap Allah

Terhadap Rasulullah
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّمَ

Terhadap Para
Muslimin

*Beliau telah menyenaraikan tiga puluh tiga (33) ciri-ciri golongan Khawarij berdasarkan hadith Rasulullah ﷺ, athar para Sahabat dan Salafus Soleh.

Ahli Sunnah Wal Jamaah

**Jalan Keselamatan
Sepanjang Zaman**

Masalah/Isu	Ekstrim	Wasatiyyah	Ekstrim
Qada' dan Qadar	Jabariyyah	ASWJ	Qadariyyah
Iman dan Agama	Haruriyyah (Khawarij) dan Mu'tazilah	ASWJ	Murji'ah; Jahmiyyah
Kedudukan Saidina Ali Ibn Talib	Nawasib; Khawarij	ASWJ	Shi'ah
Sifat-sifat Allah	Mushabbiyah; Mujassimah; Hashwiyyah; Jihawiyyah	ASWJ	Mu'attilah (Mu'tazilah); Jahmiyyah

Jalan Keselamatan

Melazimi al-Jama'ah (Pegangan Majoriti Ulama' dan Umat Islam) adalah Jalan Perpaduan Umat Islam dan Mendapat Kedudukan Yang Terbaik di Syurga

Saidina 'Umar Ibn al-Khattab ﷺ telah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ pernah berkhutbah dan bersabda:

... عَلَيْكُمْ بِالجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةَ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ وَهُوَ مِنَ الْاِثْنَيْنِ أَبْعَدُ،
مَنْ أَرَادَ بُحْبُوْحَةَ الْجَنَّةِ فَلْيَلْزِمْ الْجَمَاعَةَ ..

“Hendaklah kamu semua berpegang dengan al-Jama'ah (pegangan majoriti ulama' dan umat Islam) dan berhati-hatilah kamu semua daripada perpecahan.

Sesungguhnya syaitan itu lebih dekat dengan orang yang berseorangan dan dia lebih jauh daripada dua orang yang bersama (berbanding orang yang berseorangan).

Barangsiapa yang mahukan bahagian tengah syurga / kawasan syurga yang terbaik, maka hendaklah dia melazimi al-Jama'ah (pegangan majoriti ulama' dan umat Islam).”

T: al-Tirmidhi (256H) – Jami' al-Tirmidhi, No.2165 dan beliau berkata: هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيقٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ (Haddith hasan sahih ghairi min hadda al-wajhi).

Berpeganglah dengan jalan majoriti para ulama' kerana ianya lebih selamat, lebih mendekatkan kita kepada perpaduan dan lebih dekat dengan keselamatan agama kita. Abdullah Ibn 'Umar ﷺ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يَجْمِعُ اللَّهُ هَذِهِ الْأُمَّةَ، أَوْ قَالَ أَمْتَيْ عَلَى الْضَّلَالَةِ أَبْدًا، وَاتَّبِعُوا السَّوَادَ الْأَعْظَمَ فَإِنَّهُ مِنْ شَذُّ شَذِّ فِي النَّارِ

“Allah SWT tidak akan menghimpunkan umat ini, (atau Baginda bersabda) umatku di atas kesesatan selama-lamanya, **dan ikutilah golongan umat Islam yang paling ramai.** Maka sesungguhnya barangsiapa yang mengasingkan diri, dia sebenarnya mengasingkan diri di dalam api neraka.”

T: al-Hakim (lafaz di atas): Hasan; al-Tirmidhhi; al-Tabarani - al-Kabir; al-Bayhaqi - al-Asma' wa al-Sifat dan lain-lain.

Anas Ibn Malik RA berkata: Saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أُمَّتِي لَنْ تَجْتَمِعُ عَلَى ضَلَالٍ، فَإِذَا رَأَيْتُمُ اخْتِلَافًا فَعَلَيْكُمْ بِالسُّوَادِ الْأَعْظَمِ

Maksudnya: Sesungguhnya umatku tidak akan sekali-sekali bersepakat di atas kesesatan, maka apabila kamu melihat pertelingkahan (di kalangan mereka), hendaklah kamu bersama dengan majoriti (golongan paling ramai) dari kalangan mereka.

T: Ibn Majah; al-Diya' al-Maqdisi - al-Ahadith al-Mukhtarah; Ibn Humayd; Ibn Abi 'Asim - al-Sunnah dan lain-lain.

Terima kasih.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ وَعِلْمُهُ أَتْمٌ

Allah Maha Mengetahui dan Ilmu-Nya Maha Sempurna